

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : MAJLIS SEMBAH KENAL RAJA PERMAISURI AGONG
Lokasi : SRI PERDANA, KUALA LUMPUR
Tarikh : 25-01-1995

1. Terlebih dahulu marilah kita bersama-sama memanjatkan berbanyak syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaan-Nya sahaja dapat kita berkumpul di sini dalam keadaan riang dan mesra.

2. Bagi pihak semua ahli BAKTI, diucapkan junjung kasih kepada Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah kerana berkenan berangkat ke Majlis Sembah Kenal BAKTI pagi ini. Sesungguhnya, hari ini adalah hari yang amat sibuk untuk Tuanku kerana tugas negara tetapi BAKTI amatlah berbangga dan bertuah kerana Baginda Tuanku dapat jua berangkat hadir. Keberangkatan Tuanku memberi pengertian yang besar kepada ahli-ahli BAKTI dan juga memberi peluang kepada BAKTI untuk memperkenalkan aktivitiaktivitinya sambil beramah mesra dengan ahli-ahlinya.

3. Sebelum itu, dengan penuh hormat dan takzimnya, BAKTI menyembahkan ucapan tahniah kepada Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong Tuanku Jaafar Ibni Al-Marhum Tuanku Abdul Rahman atas perlantikan Tuanku sebagai Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong yang ke-10, bagi negara Malaysia yang merdeka ini. Baginda Tuanku memulai pusingan ke-2 dalam perlantikan Raja- raja Malaysia sebagai Seri Paduka Baginda Yang Di- Pertuan Agong dan BAKTI berdoa semoga Baginda Tuanku berdua dilimpah rahmat bahagia dan sejahtera serta bersemayam di atas takhta dengan selamat dan sempurna.

Semoga jua Allah Subhanahu wa Ta'ala mencucuri taufik dan hidayatNya kepada Baginda Tuanku berdua dan rakyat jelata supaya negara sentiasa dipelihara dalam aman damai dan makmur.

4. BAKTI wujud sejak tahun 1977 sebagai Badan Kebajikan untuk membantu golongan-golongan yang tertentu. Untuk menyempurnakan tujuan asas ini, isteri kepada Jemaah Menteri, Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan Negara, Timbalan-timbalan Menteri dan akhirnya Setiausaha-setiausaha Parlimen dijemput menganggotai Badan Kebajikan ini dan menggembelengkan tenaga untuk menganjurkan projekprojek amal. Sehingga hari ini BAKTI dianggotai oleh 64 ahli biasa dan 19 ahli bersekutu, iaitu bekas-bekas ahli-ahli BAKTI yang suami mereka telah pun bersara.

Aktiviti-aktiviti BAKTI dibahagikan kepada dua bahagian a) yang memanfaatkan masyarakat; b) yang memanfaatkan ahli-ahli sendiri; Yang memanfaatkan masyarakat diatitkan oleh Jawatankuasajawatankuasa Kecil seperti kebajikan, bencana alam dan dermasiswa. Ketiga-tiga Jawatankuasa inilah yang mengagih-agihkan bantuan wang atau barangan kepada golongan-golongan yang memerlukan.

Sejumlah hampir satu juta ringgit Malaysia disampaikan kepada individuindividu yang cacat, sakit, mangsa- mangsa bencana alam, institusi pendidikan dan perubatan, termasuklah dermasiswa bagi pelajarpelajar sekolah rendah, menengah dan institusi-institusi pengajian tinggi.

5. Penerima-penerima derma daripada BAKTI diluluskan setelah surat-surat rayuan mereka disiasat dengan teliti oleh Jawatankuasa Kecil dan Jawatankuasa Tadbir. BAKTI mempunyai dasar-dasarnya yang tertentu yang memastikan pengagihan kutipan derma daripada orang ramai tidak lari daripada matlamat BAKTI. Oleh demikian tidak semua rayuan yang diterima oleh BAKTI dapat diluluskan.

Namun demikian, 99 peratus rayuan yang tulin daripada pelbagai lapisan masyarakat Malaysia menerima bantuan daripada BAKTI setiap tahun. Falsafah dan kepercayaan BAKTI ialah jika banyak menabur bakti kepada orang yang memerlukannya, bertambah lagilah rezeki yang mendatang - 'The more you give, the more you get'.

Syukur alhamdulillah, BAKTI telah berpegang teguh kepada falsafahnya dan mudah-mudahan inilah yang meyakinkan para dermawan untuk rela menderma kepada BAKTI tanpa rayuan selama ini.

6. Bagi memanfaatkan ahli-ahli BAKTI pula, Jawatankuasa mengatur berbagai-bagai aktiviti untuk menambahkan pengetahuan ahli-ahli. Perbincangan mengenai keadaan dan masalah sosial terkini dalam negara melalui ceramah-ceramah, kursus dan lawatan sambil belajar diatarkan. Ahli-ahli BAKTI diwajibkan mengetahui dasar-dasar Kerajaan dan pembangunan dalam negara dan wajib menghadiri kursus INTAN di mana semua aspek pembangunan diri diatarkan.

7. Bakat-bakat terpendam dicungkil dengan menggalakkan ahli-ahli menyertai aktiviti sukan badminton sambil menjaga kesihatan serta senaman yoga. Pada 10-15 tahun dahulu, aerobik di rancangkan tetapi sekarang, memadailah senaman yang tidak begitu rancak diatarkan.

8. Melalui penulisan-penulisan, ahli-ahli berkongsi pengalaman dan pandangan dalam Pelita BAKTI, majalah tahunan BAKTI. Yang menarik sekali ialah aktiviti-aktiviti Jawatankuasa Kecil Kebudayaan di mana ahli-ahli dilatih menyanyi, menari dan bermain alat-alat gamelan. Guru-guru diadakan dan hasil latihan ahli-ahli BAKTI akan dipersembahkan kepada Baginda Tuanku sebentar lagi.

9. Sebagai amat, menyediakan kumpulan-kumpulan penyanyi, penari dan pemain gamelan adalah satu-satunya masalah. Tetapi masalah yang amat besar yang dihadapi sekarang ialah untuk mendapatkan pakaian-pakaian penari daripada kumpulan-kumpulan kebudayaan yang tertentu. Bukan tidak dapat diperolehi, malahan ramai yang rela meminjamkan 'costume' penari-penari tetapi masalahnya ialah penaripenari BAKTI bukan kesemuanya ramping. Oleh itu baju-baju yang diberi pinjam itu tidak boleh dipakai. Tukang-tukang jahit pula telah menolak pesanan-pesanan jahitan kerana Perayaan Tahun Baru Cina dan Hari Raya Aidil Fitri.

10. Walaupun ada beberapa masalah yang dihadapi, semangat BAKTI untuk menyebarkan juga persembahan kepada Baginda Tuanku tidak pudar. Namun, BAKTI menyusun jari sepuluh memohon ampun maaf sekiranya terdapat sebarang kekurangan dan tidak kesesuaian bagi Tuanku.

11. Majlis sembah kenal pagi ini tidaklah akan berjaya sekiranya BAKTI tidak menerima kerjasama dan bantuan nasihat dan latihan daripada beberapa pihak.

BAKTI mengambil kesempatan ini mengucapkan penghargaan dan berbilang terima kasih kepada:

a) Madame Mah - guru nyanyian BAKTI

b) Encik Jamaluddin - guru tarian

c) Encik Othman - guru gamelan

d) Encik Ruslan Imam - guru nyanyian dan juga komposer lagu dalam album 'Buatmu Wanita

e) Encik Hassan, bersama-sama dengan Encik Ruslan Imam menyumbangkan lagu-lagu merdu semasa jamuan ini nanti dan mengiringi lagu-lagu yang dipersembahkan oleh ahli-ahli BAKTI.

f) Tidak lupa ahli-ahli yang mengambil bahagian dan pihak-pihak lain yang membantu secara langsung dan tidak langsung.

12. Akhir kata, BAKTI sekali lagi menjunjung kasih yang tidak terhingga di atas kesudian Tuanku berangkat ke Majlis ini serta untuk bermesra dengan ahli-ahli BAKTI. Semoga Majlis ini diberkati Allah Subhanahu wa Taala dan semoga Tuanku sentiasa dipelihara-Nya dalam keadaan sihat walafiat dan kesejahteraan, insya-Allah.